

22 MAR 1996

Umno-Derma

UMNO TAK BERI KEBENARAN PUNGUT DERMA UNTUK PERAYAAN 50 TAHUN

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Orang ramai diminta berwaspada dengan orang atau kumpulan tertentu yang memungut derma kononnya untuk sambutan perayaan ulangtahun ke-50 Umno.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat hari ini berkata, orang ramai terutamanya pihak swasta tidak harus melayan sesiapa yang datang untuk memungut derma bagi perayaan itu.

"Ibu pejabat tidak pernah mengeluarkan sebarang kebenaran atau kelulusan bagi mana-mana orang untuk memungut derma dan Majlis Tertinggi pula tidak pernah menimbang untuk pungut derma bagi perayaan ini," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Ketua Jabatan Perhubungan Antarabangsa Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China, Puan Li Shuzheng dan rombongan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan berkata, ibu pejabat parti telah menerima aduan bahawa kegiatan memungut derma itu telah berlaku sejak sebulan lepas dan siasatan sedang dibuat untuk menentukan pihak yang terlibat dengan perbuatan itu.

"Kalau ada bukti sah ada anggota parti terlibat, kita akan bawa perkara ini kepada jawatankuasa disiplin untuk tindakan," katanya.

Mengikut peraturan kewangan Umno, hanya Majlis Tertinggi dan badan-badan Perhubungan Umno Negeri dibenarkan memungut derma bagi pihak parti.

Katanya, para anggota yang melanggar peraturan kewangan itu dianggap menipu parti kerana mereka memperdagang atau menjual nama parti.

Mengenai amalan rasuah politik menjelang pemilihan Majlis Tertinggi Umno pada Oktober ini beliau berkata, setakat ini ibu pejabat belum menerima aduan mengenai perkara itu dan ia menunjukkan bahawa etika parti dan pindaan perlembagaan untuk membanteras politik wang telah mula dirasai.

Walaupun ada maklumat bahawa wang dimasukkan ke dalam akaun anggota parti untuk memastikan kemenangan dalam pemilihan akan datang, perkara itu belum dapat dibuktikan.

Arah aliran sekarang ialah kempen-kempen lebih bertumpu melalui surat khabar, tambahnya.

Mengenai lawatan rombongan Parti Komunis China, Mohamed yang juga Setiausaha Agung BN berkata, Umno telah menjemput parti itu untuk menyertai perayaan 50 tahun Umno dan mereka telah menerima secara lisan.

Lawatan Parti Komunis China itu ialah untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama dengan BN dan sebagai lanjutannya Wanita BN akan ke China pula tidak lama lagi.

Hadir sama dalam perjumpaan itu ialah Setiausaha Agung MCA Datuk Dr Ting Chew Peh, Setiausaha Agung MIC Tan Sri G. Vadiveloo, Naib Ketua Wanita Umno Datuk Napsiah Omar dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Sabah Datuk Shafie Apdal.

Sementara itu Li pula berkata, Parti Komunis China mahu meningkatkan hubungan baik dan kerjasama dengan BN dan bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa perbezaan ideologi tidak harus menjadi penghalang kepada hubungan itu. -- BERNAMA.

AFY OBA.